



**SIARAN AKHBAR**  
**KENYATAAN DASAR AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM 1/2017**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) hari ini mengeluarkan Kenyataan Dasar AMBD bagi separuh tahun pertama (berakhir Jun) 2017.
2. Di dalam Kenyataan Dasar 1/2017, AMBD menyatakan bahawa ekonomi global terus berkembang pada kadar yang sederhana. Ekonomi domestik menunjukkan peningkatan dalam data eksport terkini berikutan meningkatnya harga minyak mentah. Inflasi domestik pada 2017 dijangka berada dalam lingkungan -1.1% ke -0.1%.
3. AMBD juga memaklumkan bahawa penunjuk kekukuhan kewangan (*financial soundness indicators*) yang utama bagi industri perbankan berada pada tahap yang baik walaupun dalam persekitaran global yang mencabar. AMBD akan secara berterusan mengkaji semula peraturan dan persekitaran regulatori bagi menyediakan landskap sektor kewangan yang kondusif. AMBD sedang membangunkan dan menaiktarafkan rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan sejajar dengan piawaian dan amalan-amalan terbaik antarabangsa.
4. Negara Brunei Darussalam kekal komited kepada dasar Lembaga Matawang (*Currency Board Arrangement*), dan Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang dengan Republik Singapura. Ini telah menyerlahkan kredibiliti dan keyakinan kepada dasar monetari Negara Brunei Darussalam. Negara Brunei Darussalam terus mendapat manfaat daripada kadar inflasi dalam negeri yang rendah dan keyakinan dalam kestabilan makroekonomi negara yang berterusan.
5. AMBD akan terus meningkatkan keupayaan dasar dan regulatori dalam melaksanakan peranannya.
6. Seterusnya, AMBD juga akan menyumbang ke arah mencapai aspirasi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membangunkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah pusat kewangan Islam yang bereputasi tinggi.
7. Kenyataan Dasar AMBD 1/2017 yang lengkap boleh didapati di laman web AMBD di [www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn).

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 17 Zulkaedah 1438/10 Ogos 2017

Rujukan: AMBD/COMMS/3